

14 MAY 1999

Mahathir-Kerjasama

HANYA BARISAN NASIONAL LAKSANA KERJASAMA BERTERUSAN: PM

RANAU, 14 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata hanya Barisan Nasional (BN) yang mengamalkan kerjasama antara kaum secara berterusan.

Hanya menerusi kerjasama berterusan itu sahaja semua kaum mendapat layanan yang sama, kata Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN.

"Dalam kabinet pusat semua kaum diwakili dan begitu juga dengan kerajaan-kerajaan negeri," katanya pada perhimpunan bersama rakyat daerah Ranau di Dewan Orang Ramai di sini.

Beliau berkata dalam BN tidak ada kaum majoriti yang memonopoli semua dan menindas kaum minoriti.

"Inilah cara BN berjuang untuk semua kaum dan semua agama," katanya disambut tepukan gemuruh kira-kira 3,000 penduduk Ranau yang memberi sambutan hangat kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sabah, meluangkan masa melawat Ranau sebagai menunaikan janjinya untuk datang ke daerah ini setelah gagal berbuat demikian akibat keadaan cuaca yang tidak mengizinkan sebelum pilihan raya negeri pada 11 Mac lepas.

Dr Mahathir berkata melalui kerjasama seumpama itu BN memperolehi kemenangan pada pilihan raya, dan seterusnya berjaya membangunkan negara.

Katanya oleh kerana kejayaan konsep kerjasama yang diamalkan itu, parti-parti pembangkang pun kini menirunya.

Bagaimanapun, katanya kerjasama yang cuba diwujudkan oleh PAS dan DAP hanya bersifat sementara dan bertujuan mencari kemenangan dalam pilihan raya semata-mata.

Dr Mahathir berkata walaupun tidak berlaku rusuhan di Malaysia dan rakyat hidup aman damai tetapi keadaan itu belum mencukupi jika antara kaum-kaum dan suku kaum tidak melaksanakan kerjasama dalam semua bidang.

"Kita tidak boleh hidup berpuak-puak tetapi sebaliknya hendaklah menjalin kerjasama yang berkesan menerusi BN," katanya.

Pada majlis itu Perdana Menteri turut mengingatkan penduduk supaya tidak berfikiran seolah-olah negeri Sabah terpisah daripada Malaysia.

"Harus diingatkan bahawa Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia. Kalau Malaysia menghadapi masalah ekonomi dan menjadi miskin, ia mempunyai kesan terhadap Sabah dan kawasan-kawasan luar bandar termasuklah di Ranau ini," katanya.

Katanya rakyat harus sama-sama membantu kerajaan menentukan kejayaan perusahaan dan syarikat-syarikat besar kerana daripada mereka kerajaan dapat mengutip cukai yang banyak bagi pembangunan negara terutama di luar bandar.

"Daripada setiap RM1 keuntungan syarikat-syarikat ini, 28 sen adalah milik kerajaan," katanya.

Dr Mahathir juga berjanji kepada penduduk Ranau bahawa kerajaan akan cuba membangunkan daerah itu dan memberikan bantuan seberapa yang boleh.

Dr Mahathir, yang menyatakan beliau pertama kali melawat Ranau bersama-sama Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein (ketika itu timbalan perdana menteri) pada 1965, berkata beliau akan menghantar pegawai-pegawai daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) untuk mengkaji apa-apa perkara yang boleh dilakukan untuk kemajuan daerah Ranau.

Pada pilihan raya negeri 12 dan 13 Mac lepas, BN yang diwakili calonnya Datuk Siringan Gubat memenangi kawasan Ranau dengan majoriti 1,227.

Terdahulu, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah

Gaddam meminta kerajaan membantu pembangunan daerah Ranau terutama dalam industri pelancongan dan pusat kecemerlangan pendidikan.

Ranau yang terletak 100km dari ibu negeri Kota Kinabalu merupakan daerah yang cantik di kaki Gunung Kinabalu dengan keluasan kira-kira 294,000 hektar dan mempunyai 60,000 penduduk.

Kasitah, yang juga pengerusi BN Bahagian Kinabalu, berkata daerah itu mempunyai potensi sebagai kawasan pelancongan dan mempunyai elemen-elemen yang boleh dimajukan sebagai pusat pendidikan.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam, Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat, Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaacob, Pemangku Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Pada majlis yang sama Perdana Menteri menerima sumbangan untuk Dana Khas Negara berjumlah RM11,940 daripada masyarakat pendidik di daerah ini.

-- BERNAMA

KHY JS NMO